

24/01/2004

Pas tidak akan letak syarat muzakarah

MARANG: Pas tidak akan mengenakan syarat untuk bermuzakarah dengan Umno kerana isu yang akan dibincangkan membabitkan kepentingan nasional atau rakyat, kata Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

Justeru, katanya, Pas juga berharap Umno tidak meletakkan syarat yang boleh menjejaskan usaha ke arah pertemuan itu.

"Pelbagai isu nasional yang berlaku perlu dipikul bersama, contohnya mangsa dadah dan penjenayah yang tidak mengenal fahaman politik atau kaum," katanya ketika ditemui pemberita di rumahnya di sini, semalam.

Ketika menyatakan kesanggupan Umno berbincang dengan Pas mengenai perkara yang boleh menyumbang ke arah pembangunan ummah dan negara serta isu berkaitan akidah, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, kelmarin menegaskan bahawa kedua-dua parti sudah membuktikan kemampuan mempunyai pendirian sama seperti isu antarabangsa berkaitan Iraq, Palestin dan Afghanistan.

Pada 8 Mei 2002, bekas Perdana Menteri yang juga Presiden Umno ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad dan bekas Presiden Pas, Allahyarham Datuk Fadzil Noor, buat pertama kali berucap di pentas sama pada majlis syarahan perdana bertajuk 'Palestin dan Kemanusiaan' anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) serta Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim).

Abdul Hadi yang juga Menteri Besar Terengganu berkata, Pas dan Umno perlu meletakkan masa depan negara di tempat lebih tinggi berbanding kepentingan politik kepartian masing-masing.

Mengulas perkara sama, Setiausaha Agung Pas, Nasharuddin Mat Isa, berkata usaha ke arah merealisasikan muzakarah di antara Umno dan Pas perlu digerakkan pada peringkat kepimpinan kedua-dua parti secepat mungkin.

Katanya, perbincangan ke arah perpaduan ummah tidak boleh dilengahkan kerana ia membabitkan kepentingan semua pihak.

"Setakat ini, belum ada pemimpin Umno menghubungi pihak Pas secara rasmi sebagai permulaan terhadap usaha mengadakan perbincangan di antara kedua-dua parti.

"Pas tidak mempunyai sebab untuk menolak kesempatan ini kerana isu yang ingin dibincangkan seperti peningkatan jenayah rogol dan bunuh ke atas kanak-kanak serta masalah dadah memerlukan perhatian dan tindakan serius.

"Sebagai rakyat Malaysia, beban tanggungjawab itu tergalas di bahu pemimpin dengan dibantu pandangan masyarakat," katanya.